

Tenaga kerja mahir asas industri bertereras sains

UM-23/8/2004: 2 Perdana

TRONOH 22 Ogos — Tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dan mahir dalam teknologi terkini merupakan elemen terpenting bagi mewujudkan industri berasaskan sains, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sehubungan itu, sektor pendidikan negara harus melalui satu arus perubahan yang terancang untuk melahirkan tenaga kerja tersebut.

“Untuk tujuan itu, bidang-bidang pendidikan yang berasaskan sains dan teknologi telah

dan sedang diberi penekanan di peringkat sekolah dan pasca sekolah khususnya di peringkat kolej teknikal, kolej serta universiti,” katanya ketika merasmikan Kompleks Akademik Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Tajol Rosli Ghazali, Canselor UTP, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Presiden Petronas, Tan Sri Mohamad Hassan Marican dan Rektor UTP, Dr. Rosti Saruwono.

Abdullah berkata, pendekatan atau cara pembelajaran juga perlu terus dihalusi supaya

dapat melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara kreatif dan berdikari serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dalam kerja harian.

Menurut beliau, di peringkat pengajian tinggi pula, peruntukan perbelanjaan kerajaan yang besar serta penekanan yang diberi kepada bidang pendidikan berasaskan sains dan teknologi berjaya menghasilkan penyelidik dan pakar-pakar yang mahir dalam bidang sains, kejuruteraan, perubatan dan teknologi maklumat.

“Namun begitu, jumlah mereka masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang begitu banyak daripada pihak industri.

“Oleh itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menambah lagi peluang pembelajaran termasuk dengan membuka ruang kepada sektor swasta untuk sama-sama memainkan peranan dalam membangunkan sektor pendidikan negara,” tambahnya.

Abdullah berkata, perubahan di dalam sistem pendidikan penting selaras dengan matlamat pembangunan negara untuk terus memperkukuhkan ekonomi negara melalui satu proses transformasi daripada ekonomi berasaskan pembuatan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi).



ABDULLAH Ahmad Badawi meletakkan tangan di atas kepingan kaca sambil diperhatikan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Mohamad Hassan Marican pada majlis perasmian Universiti Teknologi Petronas di Bandar Seri Iskandar, Perak, semalam. — Gambar HANAFI KHAMIS